

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Wednesday, February 22, 2017 11:15 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students; Staf - Pesara UUM
Subject: Persembahan Mantap, Bertenaga — KOK HOLISTIK Juara KIK



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



22 FEBRUARI 2017 / 25 JAMADILAWAL 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

PERSEMBAHAN MANTAP, BERTENAGA — KOK HOLISTIK JUARA KIK



UUM ONLINE: KOK HOLISTIK dari Pusat Kokurikulum muncul juara bagi Kategori Pengurusan sekali gus membawa pulang wang tunai RM2,000 pada Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Terbuka UUM 2017 di Pusat Konvensyen, semalam.

Konvensyen yang berlangsung selama dua hari itu menyaksikan PLEXUS dari UUMIT di tempat kedua diikuti HELPS dari Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz (TISSA).

Bagi kategori teknikal, RENAISSANCE dari Pusat Kesihatan Universiti, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menjuarai acara, di tangga kedua X-GO dari Institut Latihan Perindustrian, Jitra seterusnya KINETIK dari Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar.

Anugerah Inovasi Terbaik, Anugerah Persembahan Terbaik dan Anugerah Fasilitator Terbaik masing-masing digondol oleh RENAISSANCE, PLEXUS dan KOK HOLISTIK.

Konvensyen KIK Terbuka UUM julung kali diadakan ini melibatkan organisasi luar seperti Jabatan Kastam Diraja Malaysia Pulau Pinang, Majlis Daerah Baling, Institut Latihan Perindustrian Jitra, Hospital Sultanah Bahiyah Alor Setar, Hospital Pulau Pinang dan Pusat Kesihatan Universiti UTHM selain 21 pasukan dari UUM antaranya Jabatan Pembangunan dan Penyenggaraan (JPP), Jabatan Canselor dan Jabatan Keselamatan.

Menurut Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dr. Noor Azizi Ismail, penyertaan kali ini menyaksikan 27 kumpulan yang bekerja keras menampilkan inovasi dan kreativiti masing-masing.

“Saya ingin merakamkan penghargaan kepada Institut Pengurusan Kualiti (IPQ) UUM, inisiatif ini bukan sahaja menyokong penganjuran KIK peringkat kebangsaan malah membuka peluang kepada pasukan UUM dan agensi kerajaan yang lain terlibat secara aktif dalam proses penyelesaian masalah, penambahbaikan proses kerja dan standard yang sedia ada.

“Jelaslah bahawa penganjuran Konvensyen KIK Terbuka UUM 2017 merupakan satu langkah dan inisiatif yang signifikan dalam membentuk budaya kerja yang kreatif dan inovatif,” ucapnya ketika merasmikan acara penutup.

Ujarnya, budaya kreatif dan inovasi secara langsung akan memberi kesan positif kepada organisasi kerajaan mahupun swasta dengan meningkatkan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan, mengoptimumkan sumber yang sedia ada serta menyokong dasar penjimatan dalam perbelanjaan pengurusan kerajaan dengan lebih cekap, berkesan dan berintegriti.

“Syabas dan tahniah kepada para pemenang, saya juga ingin menjemput para peserta yang datang dari jauh dan dekat untuk melawat sekitar kampus Sintok dan meneroka pelbagai produk pelancongan yang terdapat di UUM,” tambahnya.

Dalam pada itu, beliau turut menyampaikan hadiah kepada pemenang yang disaksikan oleh Pengarah IPQ, Prof. Madya Dr. Faudziah Zainal Abidin.

DARIPADA:

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

☎ 04-928 3048/3049/3052/3061

☎ 04-928 3053

✉ ukkuum@uum.edu.my

📘 Universiti Utara Malaysia (Official FB)



AACSB
ACCREDITED



AMBA
ACCREDITED



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.